



**TEKS UCAPAN ALUAN**

**OLEH:**

**YBHG. DATO' TPr. MOHD. ANUAR BIN MAIDIN**  
**KETUA PENGARAH**  
**PLANMalaysia**  
**(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)**

**SEMPENA:**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**  
**TAHUN 2020**  
**PERINGKAT PLANMalaysia**

**PADA:**

**20 FEBRUARI 2020 (KHAMIS)**  
**BERSAMAAN 26 JAMADIL AKHIR 1441H**

**BERTEMPAT DI:**

**DEWAN SERBAGUNA KEMENTERIAN WILAYAH**  
**PERSEKUTUAN**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi wabarokatuh dan Salam Sejahtera.**

Terima kasih, kepada Pengacara Majlis

Yang saya hormati,

YB Tuan Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan Ketua-ketua Jabatan peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah; Wakil-wakil Jabatan; Dato'-dato', tuan-tuan, puan-puan dan para pelajar yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia Nya, kita telah diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama pada pagi ini menyambut Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2020 Peringkat PLANMalaysia dengan Tema pada tahun ini iaitu **“PLANMalaysia Bersama Komuniti”**.

2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak PLANMalaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Tuan Haji Khalid bin Abd.Samad, yang sudi menerima undangan untuk bersama-sama meraikan Majlis pada hari ini. Kehadiran dan sokongan YB Menteri amat dihargai, dan sekaligus memberi semangat khususnya kepada semua warga perancangan bandar baik dalam perkhidmatan awam, swasta, IPT dan di mana sahaja di seluruh negara.

**Yang**

**Berhormat, Dato'-Dato', Datin-Datin,  
Tuan-tuan, Puan-Puan dan para pelajar  
yang dihormati sekalian.**

3. **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP)** merupakan agenda tahunan penting bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dimana, Melalui sambutan ini, PLANMalaysia berpeluang untuk mengembangkan peranan Jabatan dengan lebih

berkesan ke KWP secara khususnya bersama tiga Pihak Berkuasa Tempatan yang besar iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Perbadanan Labuan (PL). Hubungan baik yang telah terjalin ini hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua.

4. Bagi tujuan **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP)**, Jabatan telah merangka *School Outreach Program* dengan Tema PLANMalaysia bersama komuniti sepanjang bulan Februari 2020. Antara pengisian yang telah dibuat adalah *Town Planning Bootcamp* dan Pertandingan Melukis Poster di mana ini adalah sebahagian usaha jabatan untuk mempromosikan bidang perancangan bandar kepada pelajar-pelajar sekolah di seluruh Wilayah Persekutuan.
5. Pihak Jabatan telah mengadakan dua siri Town Planning Bootcamp yang mana Jabatan sangat bersyukur kerana telah mendapat daripada 69 sekolah menengah dengan 298 penyertaan , ini merupakan sambutan yang hangat daripada

kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

## **PROFESSION PERANCANG BANDAR**

6. Profesion Perancang Bandar menjadi tulang belakang didalam mencorak pembangunan fizikal negara sama ada di bandar mahupun di desa sejak tahun 1921 lagi apabila Jabatan Perancang Bandar pertama ditubuhkan oleh Charles Reade. Hasilnya, pada tahun 1926, bandar baru terancang pertama di Tanah Melayu dan juga Asia telah di bina oleh Town Planner, Charles Reade iaitu di Kuala Kubu Bharu dengan konsep "*Garden City*" yang diinspirasi daripada Ebenezer Howard. Ia merupakan konsep pembangunan bandar terancang yang ideal pada era itu.
  
7. Putrajaya di mana kita berada pada hari ini, merupakan salah satu 'air tangan' perancang bandar daripada PLANMalaysia (Jabatan Perancangan

Bandar dan Desa) yang menterjemahkan inspirasi YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed pada tahun 1999 ketika YAB Tun menjadi Perdana Menteri ke empat (4) menjadi realiti. Putrajaya dibangunkan dari bekas ladang kelapa sawit seluas 4,931 hektar telah menjadi sebuah pusat pentadbiran kerajaan yang serba moden dan menjadi mercu tanda kejayaan negara hari ini.

8. Seajar dengan arus pembangunan dan teknologi masa kini, perancangan bandar meneroka konsep Bandar Pintar yang merupakan Bandar yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kemajuan teknologi untuk menangani isu-isu perbandaran bagi meningkatkan tahap kehidupan, pertumbuhan ekonomi, kemampunan alam sekitar juga pengurusan bandar yang lebih efisien dan selamat.
9. Walau apa pun konsep pembangunan bandar yang dirancang, Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejahtera (DPPS) sentiasa menjadi asas oleh

PLANMalaysia dalam membentuk persekitaran kehidupan masyarakat. Doktrin ini amat penting bagi perancangan bandar dalam mengintegrasikan nilai kerohanian dalam perancangan yang mengambil kira hubungan di antara Manusia dengan Pencipta, Manusia dengan Manusia, serta Manusia dengan Alam Sekitar.

**Yang  
Berhormat, Dato'-Dato', Datin-Datin,  
Tuan-tuan, Puan-Puan dan para pelajar  
yang dihormati sekalian.**

### **AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN**

10. PLANMalaysia sentiasa komited untuk melaksanakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGS) sebagai penyelesaian perbandaran secara menyeluruh dan holistik seterusnya merealisasikan Konsep **Bandar untuk Semua (*Cities for all*)**. Ini juga adalah selaras dengan matlamat yang didukung oleh United Nations Agenda 2030 untuk mencapai

Agenda Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG's) di mana, pendekatan pembangunan inklusif yang tidak meminggirkan sesiapa pun di bawah prinsip '***leaving no one behind***'.

11. Matlamat SDG 11; iaitu Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan dan Mampan adalah selaras dengan pembangunan yang memberi penekanan kepada peningkatan kualiti hidup rakyat bagi setiap peringkat umur termasuk golongan pelajar, kesamarataan pembangunan dan pengekalan alam sekitar. Matlamat ini menawarkan satu anjakan paradigma dalam cara kita berfikir, membina dan mewujudkan rantaian rakan pembangunan dalam menguruskan bandar- bandar pada masa akan datang secara holistik dan mampan.



**Yang**  
**Berhormat, Dato'-Dato', Datin-Datin,**  
**Tuan-tuan, Puan-Puan dan para pelajar**  
**yang dihormati sekalian.**

**PENYERTAAN PLANMALAYSIA DI WUF 10 ABU**  
**DHABI**

12. Selain dari aktiviti di dalam negara, PLANMalaysia turut terlibat di dalam program-program antarabangsa seperti World Urban Forum (WUF) bersama-sama Menteri Wilayah Persekutuan di Abu Dhabi pada 8 hingga 13 Februari 2020 lalu. WUF merupakan satu forum teknikal bukan perundangan yang diadakan oleh UN Habitat, di bandar yang berbeza setiap dua tahun di mana Malaysia pernah menjadi tuan rumah bagi WUF 9 pada tahun 2018. PLANMalaysia telah diberi kesempatan untuk mengendalikan 3 networking event iaitu *Smart Cities Hold The Key To Sustainable Urbanisation, The Futures Of Urban Observatories and Inclusive Data Systems* dan

*Challenges In Implementing Sustainability Assessment For Cities Towards SDGs.*

13. Forum ini mengumpulkan pelbagai pakar dari setiap sektor perbandaran merangkumi pertubuhan bukan kerajaan, organisasi berasaskan komuniti, institusi penyelidikan dan akademik, profesional, sektor swasta, institusi pembangunan kewangan, media di peringkat antarabangsa, nasional, serantau dan kerajaan tempatan. Tujuan utama World Urban Forum adalah:

- i. Mewujudkan sokongan dan meningkatkan kesedaran mengenai pembangunan perbandaran yang mampan.
- ii. Meningkatkan pengetahuan kolektif ke atas perbandaran yang mampan melalui debat terbuka, pertukaran pengalaman dan amalan terbaik.

- iii. Mewujudkan koordinasi lanjutan dan kerjasama di dalam dan di antara kawasan-kawasan yang berbeza ke arah kemajuan dan pelaksanaan Agenda Habitat

**Yang  
Berhormat, Dato'-Dato', Datin-Datin,  
Tuan-tuan, Puan-Puan dan para pelajar  
yang dihormati sekalian.**

**SAMBUTAN 100 TAHUN PROFESION  
PERANCANG BANDAR DAN HARI  
KEBAHAGIAAN SEDUNIA**

14. Pada Tahun 2021, genaplah 100 tahun kewujudan Profesion Perancang Bandar di Malaysia. Sempena sambutan 100 tahun Profesion Perancang Bandar, pelbagai program telah dirangka antaranya ialah International Professional Talk, Ride Tour, Forum Perdana Ehwat Islam, Karnival 100 Tahun Profesion Perancang Bandar Malaysia 2021, Slot Bual Bicara

Malaysia Hari Ini di TV3, 100PBM Run, Menjejaki Charles Reade, dan Dinner 100PBM.

15. Selaras dengan sambutan di peringkat Global, Jabatan juga sedang merangka untuk mengadakan Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (International Day of Happiness) yang disambut pada setiap 20 Mac dengan tema tahun ini ***Happier Together***. Penglibatan para pelajar dalam program-program seperti ini amat dialu-alukan memandangkan mereka merupakan pewaris yang akan meneruskan legasi pembangunan negara.

**Yang**

**Berhormat, Dato'-Dato', Datin-Datin,  
Tuan-tuan, Puan-Puan dan para pelajar  
yang dihormati sekalian.**

## **PENUTUP**

16. Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad atas kesudian melapangkan masa bagi meraikan sambutan Hari Wilayah Persekutuan Peringkat PLANMalaysia pada petang ini. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini. Semoga dengan penganjuran program seperti ini boleh dijadikan medium pertemuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara kita bagi bersama-sama merancang pembangunan negara ini demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama. Mudah-mudahan hubungan yang erat ini juga akan berterusan pada masa-masa akan datang.
  
17. Saya menyeru kepada para pelajar, guru-guru dan hadirin sekalian untuk mengambil bahagian dalam

acara-acara yang telah diatur pada hari ini untuk memeriahkan lagi sambutan Hari Wilayah Persekutuan disamping mengenali PLANMalaysia dengan lebih dekat lagi.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.